

(PERBEZAAN TEKS-TEKS ^c ADAT TEMENGGONG

O

L

E

H

ASIAH BINTI TAHARIP/

O

O

O

O

JABATAN SYARIAH
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

O

O

O

O

SESI 81 / 82.

BAB KEDUA

PERBEZAAN TEKS - TEKS ^cADAT TEMENGGONG.

I- Perbezaan dari segi struktur :

Apabila dilihat struktur teks-teks ^cAdat Temenggong menampakkan banyak persamaannya. Kelima-lima dipengaruhi oleh undang-undang Hindu dan Islam. Kebanyakan undang-undang bermula dengan puji-pujian di dalam bahasa Arab yang mencerminkan pengaruh Islam. Misalnya Undang-undang Pahang (UP) dimulakan dengan:-

" الحمد لله رب العالمين والعاقبة للمتقين والصلاة
والسلام على سيدنا محمد وآله وصحبه أجمعين
وبعد فهذه الرسالة المختارة في بداية المصطلحات "

Maksudnya:

" Segala puji-pujian bagi Tuhan yang amat mengetahui dan memberi belas pada orang-orang yang bertaqwa selawat dan sa-

lam ke atas Junjungan Nabi Muhammad (saw) dan sekelian sahabatnya dan sesudahnya. Maka ini surat yang dipilih pada menerangkan permulaan istilah. " ^I

Bentuk begini terdapat juga pada Undang-undang Melaka, pada fasal O.I. ²

Kelima-lima teks ini sudah menggunakan bahagian-bahagian atau fasal iaitu suatu pengaruh yang diambil dari kesusasteraan Parsi. ³ Di samping itu undang-undang tersebut banyak memasukkan dalil-dalil al-Qur'ān dan hadith terutama dalam menghuraikan hukum Syara'.

Selain daripada itu teks-teks ini cuba memasukkan tokoh-tokoh lagenda Islam dan Nabi. Dalam hal ini UP memasukkan seorang tokoh lagenda Is-

^IKempe & Winstedt, "A Malay Legal Digest of Pahang," h. 24.

²Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, h. 62.

³G.E. Merrison, "Persian Influences in Malay Life," JMBRAS, Vol. 23, Part I, (Singapore: Malaya Publishing House, Ltd., 1955), h. 63.

lan yang terkenal iaitu Raja Nushirwan Adil. Tokoh ini juga ada disebutkan di dalam Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan (U.99). Di samping itu tokoh Khoja Berzda Anir Hakim. Nabi-nabi juga turut dimasukkan. UP menyebutkan Nabi Noh sementara dalam U.99 lebih ramai lagi yang dimasukkan iaitu Nabi Adam, Nabi Daud, Nabi Sulaiman, Nabi Musa dan Nabi Muhammad (saw). Juga tidak ketinggalan mana khalifah iaitu Abu Bakar, Omar, Othman dan Ali.

Teks-teks Adat Temenggong ini tidak mempunyai pembahagian yang teratur dalam membahagikan bahagian kesalahan jenayah, keluarga, perniagaan dan lain-lain. Teks yang agak tersusun sedikit ialah Undang-undang Melaka (UM) dan U.99.

II- Perbezaan dari segi kandungan:

i- Bahagian Jenayah:

Sebahagian besar undang-undang Melayu Lama (UML) diperuntukan kepada hal-hal yang berhubung dengan jenayah seperti membunuh, meluka, zina, rogol dan lain-lain.

Kesalahan mencuri:

UM banyak menyatakan tentang berbagai-bagai kesalahan mencuri iaitu seperti mencuri tanaman, mencuri perahu, mencuri kerbau, mencuri hamba orang di dalam negeri orang, hamba raja dicuri orang dan lain-lain. Fasal yang berhubung dengan kesalahan mencuri ini terdapat dalam fasal II.2, II.3, II.4, II.I, 7.2, 22.3, 7.3, 24.I dan 44.6 UM.

Peruntukan berhubung dengan hukuman yang dikenakan bagi mereka yang melakukan kesalahan mencuri ialah dibunuh.⁴ Manakala bagi rakan sejenayah yang bersama-sama terlibat melakukan perbuatan mencuri itu dikenakan denda iaitu mereka akan diarak keliling negeri.⁵ Bagi orang yang mencuri tanaman dikenakan denda 10 emas dan benda-benda yang dicuri itu digantung di leher dan ia diarak keliling nege-

⁴Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, fasal 7.2, 7.3, II.I dan 24.I.

⁵Ibid., fasal II.I.

ri.⁶ Barang-barang yang dibawa seperti keris ketika ia melakukan perbuatan mencuri dirampas.⁷ Begitu juga orang yang mencuri perahu didenda 10 emas, mencuri kerbau, lembu atau kencing dikenakan dibayar 10 emas atau 5 emas. Manakala bentuk denda yang lain adalah mengikut keadaan dan tempat kecurian itu berlaku.⁸

Di sini dapat dirumuskan bahawa hukuman mencuri mengikut UM terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bagi kesalahan mencuri barang-barang yang dianggap ringan atau tidak berapa berharga sangat seperti tanaman-tanaman dan binatang-binatang dikenakan denda sebaliknya perbuatan mencuri barang yang dianggap perlu atau berharga seperti curi harta benda, hamba dan lain-lain barang yang berharga dikenakan hukuman bunuh.

⁶Ibid., fasal II.2.

⁷Ibid., fasal 22.3.

⁸Ibid., fasal II.3 dan II.4.

Hukuman yang dikenakan bagi kesalahan mencuri yang diperuntukan oleh UP adalah berbeza sekali dengan yang diperuntukan dalam UM. UP lebih memperhatikan undang-undang Islam. Si pencuri yang didapati bersalah akan dipotong pergelangan tangan kanan. Bagi kesalahan kedua kali akan dipotong pula pergelangan kaki kiri dan kesalahan ketiga akan dipotong pula pergelangan tangan kiri. Jika ia melakukan kesalahan mencuri buat kali keempat ia akan diberi malu di hadapan orang ramai.⁹

Hukuman-hukuman tersebut dapat dijalankan jika ada syarat-syarat ini iaitu:- ¹⁰

- a- Pencuri itu sudah baligh.
- b- Pencuri itu seorang yang siuman.
- c- Nilai barang itu sekurang-kurangnya satu emas 3 kupang.
- d- Barang itu dipelihara oleh tuannya.
- e- Barang itu berlainan dengan barang yang pencuri itu sendiri memiliki sebelumnya.

⁹Kempe & Winstedt, "A Malay Legal Digest of Pahang," fasal 54.

¹⁰Ibid., fasal 53.

Peruntukan yang terdapat dalam UP tentang hukuman potong tangan bagi kesalahan mencuri adalah sesuai dengan firman Allah yang berbunyi: ^{II}

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جِزَاءً بِمَا كَسَبَا
نَكَالًا مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya:

" Orang-orang pencuri lelaki dan perempuan hendaklah kamu potong tangannya sebagai balasan pekerjaannya dari seksaan daripada Allah, Allah perkasa lagi Bijaksana. "

Di dalam U.99 hanya satu sahaja peruntukan mengenai dengan kesalahan mencuri. Bagi kesalahan mencuri buat pertama kali ia disuruh kembalikan balik barang itu, jikalau ia mencuri buat kali kedua maka ia dikenakan hukuman potong jari dan jika sampai tiga kali maka ia dibuang negeri. U.99 ini ada-

^{II} al-Qur'ān, Sūrah al-Mā'idah, 5 : 38.

lah mirip kepada hukuman yang ditetapkan oleh Islam tetapi telah diubahsuaikan mengikut ^cadat tempatan.^{I2}

Undang-undang Kedah (UK) tidak menerangkan atau menentukan secara mendalam mengenai dengan hukuman yang dikenakan terhadap kesalahan mencuri. UK menyuruh pencuri melakukan taubat meminta keampunan dari Allah s.w.t. kerana sesiapa yang melakukan perbuatan ini ia dianggap derhaka kepada Allah. Undang-undang ini hanya menyebutkan tentang kesalahan-kesalahan menyamun atau mencuri dan hukumannya adalah seperti yang dijalankan dalam Undang-undang Islam.^{I3}

Di dalam Undang-undang Minangkabau (U.Mn.) dari Perak ini menyatakan tentang berbagai-bagai kesalahan tentang kesalahan mencuri seperti yang dilakukan oleh UM, tetapi hukuman yang diadakan adalah berlainan sedikit. Dalam undang-undang ini mengena-

^{I2}J.G.Rigby, "Ninety-nine Law of Perak," fasal I, n. 57.

^{I3}Winstedt, "Kedah Laws," fasal I Bab II, n. 27.

kan hukuman bunuh terhadap orang yang mencuri binatang ternakan. Itu pun jika sipencuri itu tidak dapat menggantikannya tetapi jika ia dapat menggantikannya ia tidak dikenakan hukuman bunuh.^{I4}

Berbagai-bagai hukuman denda dikenakan terhadap orang yang mencuri benda-benda yang lain.^{I5} Umpamanya sipencuri akan dikenakan denda 5 kupang, 5 busu sekupang sepiak 4 kenderi jika ia mencuri buah-buahan. Bentuk denda yang dikenakan ini adalah berdasarkan pada unsur tempatan.

Dari sini didapati bahawa, hukuman yang dikenakan terhadap kesalahan mencuri yang diperuntukan dalam Undang-undang Melayu Lama setengah-setengahnya adalah tidak sesuai dan dirasakan keterlaluan. Contohnya seperti yang terdapat dalam UM. Ini mungkin terpengaruh dengan keadaan dan kuasa pemerintahan di masa itu.

^{I4}Winstedt, "An Old Minangkabau Legal Digest from Perak," fasal I2I, h. I2.

^{I5}Ibid., fasal II3. II9, I20, I22, I23, I24, I26, I27, I28.

5- Kesalahan Membunuh:

Membunuh adalah satu kesalahan yang sememangnya terkutuk dan ia merupakan satu perkara larangan dalam mana-mana undang-undang sekalipun. Penekanan terhadap kesalahan membunuh terdapat dalam semua Undang-undang Melayu Lama. Walau bagaimanapun hukuman-hukuman yang dikenakan adalah berbeza-beza.

Undang-undang Melayu Lama yang dianggap lengkap mempersoalkan tentang kesalahan bunuh ini, ialah UP. UP ini lebih mirip kepada Islam yang mana ia telah memperuntukkan bahawa kesalahan membunuh ialah bunuh balas.^{I6} Ini sesuai dengan firman Allah yang berbunyi:-^{I7}

”وَكُتِبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنْ تَقْتُلَ بِالنَّفْسِ بِالنَّفْسِ وَتَعِينَ
بِالسَّيِّئِ وَالْأَنْفِ بِالْأَنْفِ وَالْأُذُنَ بِالْأُذُنِ وَالْمَسْنَنَ
بِالسِّنِّ.”

^{I6} Kempe & Winstedt, "A Malay Legal Digest of Pahang," fasal 46, h. 48.

^{I7} al-Qur'ān, Sūrah al-Mā'idah, 5 : 45.

Maksudnya:

" Dan telah kami perintahkan di dalam at-Taurat bahawa jiwa dibalas jiwa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga dan gigi dengan gigi. "

Begitulah juga tentang orang kafir membunuh orang Islam maka ia mesti dibunuh balas, ^{I8} dan berbagai ketentuan tentang kesalahan membunuh yang serupa dengan firman Allah:-^{I9}

وما كان لمؤمن ان يقتل مؤمناً الا خطأ قتل مؤمناً
خطأ فتحرير رقبة مؤمنة ودية مسلمة الى اهله
الا ان يصدقوا . فان كان من قوم عد ولكم وهو مؤمن فتحرير
رقبة مؤمنة . وان كان من قوم بينكم وبينهم ميثاق فدية مسلمة
الى اهله وتحرير رقبة مؤمنة فمن لم يجد فصيام شهرين
متتابعين توبة من الله . وكان الله عليماً
حكيماً . "

^{I8}Kempe & Winstedt, "A Malay Legal Digest of Pahang," fasal 70.

^{I9}al-Qur'ān, Sūrah an-Nisā', 4 : 92.

Maksudnya:

" Dan tidak layak bagi seorang mu'min membunuh seorang mu'min (yang lain), kecuali kerana tersalah (tidak sengaja), dan barang siapa membunuh seorang mu'min kerana tersalah ia hendaklah memerdekakan seorang hamba sahaya yang beriman serta membayar diat, yang diserahkan kepada keluarganya (si terbunuh), kecuali jika keluarga terbunuh bersedekah. Jika seterbunuh dari kaum yang memusuhimu, padahal ia mu'min, maka hendaklah sipembunuh memerdekakan hamba sahaya yang beriman. Dan jika ia dari kaum kafir yang perjanjian antara mereka dengan kamu, maka hendaklah sipembunuh membayar diat yang diserahkan kepada keluarganya serta memerdekakan hamba yang beriman. Barang siapa yang tidak memperolehinya, maka hendaklah sipembunuh berpuasa dua bulan berturut-turut untuk penerimaan taubat daripada Allah. Dan adalah Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana. "

Peruntukan yang dibuat dalam U.99 terhadap kesalahan membunuh ini adalah jauh berbeza dengan peruntukan yang terdapat dalam UP. Undang-undang ini memperuntukkan bahawa jika orang kafir membunuh orang Islam maka ia tidak dibunuh balas manakala jika Islam membunuh orang kafir maka sipembunuh itu dikenakan bunuh balas.²⁰

Peruntukan seperti ini diadakan adalah mengikut pendapat Menteri Khodja Berdza Amir Hakim bahawa orang Islam mementingkan dunia dan akhirat manakala orang kafir mereka hanya mementingkan dunia sahaja.²¹ Hukuman denda atau diat dikenakan pada orang Islam yang membunuh orang Islam dan orang yang mencederakan orang lain.²²

UM tidak memperuntukkan hukuman keatas kesalahan membunuh tetapi telah meletakkan kebolehan seseorang itu membunuh dengan sebab tertentu. Con-

²⁰J.G.Rigby, "Ninety-nine Laws of Perak," fasal 4, h.57.

²¹Ibid., fasal 56.

²²Ibid., fasal 52 dan fasal 3.

tohnya seseorang itu dapat membunuh orang yang menampar atau memakinya. Selain daripada itu seorang isteri dalam situasi tertentu boleh membunuh madunya. Begitu juga orang yang membuat angkara ia boleh dibunuh dengan sewenang-wenangnya.²³

UM juga telah menentukan bahawa orang-orang yang diberi kuasa untuk membunuh orang ialah Bendahara pada ketika Raja tidak ada, Temenggong pada masa menangkap orang-orang salah, Syahbandar iaitu di Kuala atau di Pelabuhan dan akhirnya Makhoda ketika di dalam pelayaran.²⁴

Pada umumnya orang yang melakukan kesalahan membunuh orang tanpa pengetahuan raja dan kekecualian daripada fasal 5.2 dan 9.I UM, dikenakan hukuman bunuh. Didapati peruntukan yang diberi dalam UM tentang kuasa membunuh orang, adalah keterluan sebab tidak semua kesalahan boleh dihukumkan

²³Liaw Yock Fang, Undang-Undang Melaka, fasal 5.2, h. 68.

²⁴Ibid., fasal 9.I, h. 77 - 78.

dengan hukuman bunuh. Peruntukan ini mungkin terpengaruh dengan keadaan pemerintahan di masa itu dimana didapati dalam sebuah kerajaan lama seperti Melaka rakyat yang melakukan kesalahan-kesalahan akan menerima hukuman yang difikirkan sesuai dengan kehendak raja walaupun hukuman itu tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

Misalnya peristiwa-peristiwa yang didapati dalam Sejarah Melayu antaranya:- ²⁵

- a- Tun Tuakal di Sening Ujung kerana salah sedikit pada Sultan maka ia dihukum bunuh.
- b- Kerana fitnah, iaitu Hang Tuah bermukah dengan dayang-dayang raja, maka Hang Tuah dihukum mati tanpa usul periksa. Dalam kes ini, Sri "ara Diraja tidak melaksanakan hukuman itu tetapi di-rahsiakan dari pengetahuan Sultan.
- c- Anak Sultan Mansur Syah dengan Raden Galoh iaitu Raden Kelang telah mengkat dibunuh oleh seorang pengamuk. Semua pengiring-pengiring Raden Ke-

²⁵W.G.Shellabear, Sejarah Melayu, h.I32, I29, I63 dan I67.

Manakala U.Mn. pula tidak menjelaskan kesalahan membunuh dengan sengaja tetapi ada menyatakan bahawa jika membunuh tidak sengaja maka sipembunuh itu dikenakan diat.²⁸ U.Mn. tidak memperuntukkan sangat tentang hukuman kesalahan membunuh ini berkemungkinan ia mengikut Undang-undang Islam disebabkan dalam undang-undang ini ada menyatakan bahawa undang-undang Islam itu adalah undang-undang yang betul yang berdasarkan pada dalil, hadith, ijma' dan qias.²⁹

c- Kesalahan zina dan rogol:

Kesalahan berzina ada disentuh oleh semua Undang-undang Melayu Lama ini kecuali UK.

Di sana didapati banyak persamaan antara UM dan UP. Contohnya UM telah membuat dua katogari

²⁸Winstedt, "An Old Minangkabau Legal Digest from Perak," fasal 106, h. II.

²⁹Ibid., fasal 189.

tentang orang yang melakukan kesalahan berzina. Pertama iaitu " muḥṣān " (orang lelaki dan perempuan yang sudah berkahwin) dan tidak " muḥṣān " (lelaki dan perempuan yang belum berkahwin). Orang yang "muḥṣān" dikenakan hukuman rejam hingga mati manakala yang tidak "muḥṣān" dikenakan rotan 100 kali dan dibuang negeri. Hukuman ini dikenakan pada penzina-penzina yang Islam, baligh, berakal dan si-
uman.³⁰ Ini sesuai dengan firman Allah :- ³¹

الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا مِائَةً
جَلْدَةً .

Maksudnya:

" Perempuan dan laki-laki yang berzina hendaklah keduanya didera (dirotan), masing-masing 100 kali deraan (ro-
tan). "

Terdapat beberapa syarat sebelum tuduhan

³⁰ Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, fasal 40.I dan Kempe & Winstedt, "A Malay Legal Digest of Pahang," fasal 49.

³¹ al-Qur'ān, Sūrah an-Nūr, 24 : 2.

zina itu diterima. Tuduhan zina akan diterima jika ada saksi yang mempunyai syarat-syarat tertentu. Uu dan UP kedua-duanya ada menentukan tentang syarat saksi ini yang mana kedua undang-undang ini lebih memperlihatkan undang-undang Islam. Setiap saksi orang yang berzina itu mestilah terdiri daripada empat orang lelaki yang merdeka dan melihat betul-betul perlakuan zina itu serta memberi pendapat yang sepakat. ³²

Tentang orang yang menuduh orang berzina' tanpa ada apa-apa alasan hukumannya iala dikenakan 80 kali rotan.³³ Ini sesuai dengan firman Allah yang berbunyi :-³⁴

”وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَا يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْلَدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ .”

³²L_iaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, fasal 40.2 dan Kempe & Winstedt, "A Malay Legal Digest of Pahang," fasal 5I.

³³Ibid., fasal I2.3 dan fasal 5I.

³⁴al-Qir'ān, Sūrah an-Nūr, 24 : 4.

Maksudnya:

"Dan orang-orang yang menuduh wanita-wanita yang baik-baik berbuat zina dan mereka tidak mendatangkan empat orang saksi, maka deralah mereka 80 kali dera, dan janganlah kamu terima kesaksian mereka buat selamanya. Dan mereka itulah orang-orang yang fasik."

Dalam masalah orang yang "berliwat" (ber- / setubuh dengan binatang) dikenakan hukuman seperti orang berzina. ³⁵ UM telah menetapkan bahawa jika seorang itu merogol maka ia dikenakan hukuman bunuh kecuali ia dimaafkan oleh keluarga perempuan yang kena rogol. Apabila ia diberi kemaafan ia mestilah berkahwin dengan perempuan itu dan dikenakan mas- kahwin dua kali ganda. Jikalau ia tidak mahu ber- kahwin maka ia dipukul dan ditinggalkan berseorang- an. ³⁶

³⁵ Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, fa- sal 40.2 dan Kempe & Winstedt, "A Malay Legal Digest of Pahang," fasal 50.

³⁶ Ibid., fasal 43.5.

Di dalam U.99 peruntukan mengenai dengan hukuman orang yang berzina adalah bersifat tolak ansur. Contohnya orang yang terlibat dalam kesalahan berzina jika kedua-dua pasangan itu mengaku maka mereka dikahwinkan berserta denda sa paha emas.³⁷

U.99 tidak banyak mempersoalkan tentang zina tetapi banyak mempersoalkan tentang rogol. Umamanya bagi kesalahan merogol lelaki yang merogol itu disuruh berkahwin dengan perempuan yang dirogol itu. Manakala setiap perempuan yang hendak membuat tuduhan dan dakwaan tentang ia telah dirogol mestilah ada tiga syarat yang telah ditetapkan oleh undang-undang ini iaitu:- ³⁸

- a- Menunjukkan lelaki yang melakukan perbuatan itu.
- b- Ia pergi memberitahu pada waris lelaki itu.
- c- Ada tanda-tanda di seluar dalamnya.

³⁷J.G.Rigby, "Ninety-nine Law of Perak,"
Pasal 50, h. 72.

³⁸Ibid., fasal 5, h. 57.

Jika lelaki yang merogol itu susah untuk dihubungi atau didapati maka tanggung jawab terletak pada raja atau pemerintahan mencari orang yang mahu berkahwin dengan perempuan yang dirogol itu. ³⁹

Peruntukan tentang zina dalam U.Mn. dari Perak ini ada sedikit persamaannya dengan U.99 iaitu mengenai dengan lelaki dan perempuan yang melakukan perbuatan zina mereka dikehendakki berkahwin tanpa ada pilihan lain lagi. ⁴⁰

Jika pihak lelaki berdegil juga tidak mahu berkahwin ia dikenakan denda 5 tahlil I paha. ⁴¹ Sebaliknya jika seorang lelaki yang merdeka berzina dengan hamba perempuan maka ia tidak boleh berkahwin dengan hamba perempuan itu sehingga ia merdeka. ⁴²

³⁹Ibid., fasal 37, h. 68.

⁴⁰Winstedt, " An Old Minangkabau Legal Digest from Perak," fasal 44.

⁴¹Ibid., 45.

c- Kesalahan Meluka:

Kesalahan meluka kadang-kadang boleh mengakibatkan perkara yang lebih dahsyat iaitu kepada perbuatan membunuh. Dalam istilah undang-undang perbuatan seperti ini boleh dikatakan sebagai men-cederakan orang dan jika perbuatan itu mengakibatkan kematian ini tidak dikatakan sebagai pembunuhan.

Oleh sebab itulah undang-undang Melayu Lama, mengambil berat juga mengenai dengan perkara ini. Umpamanya dalam UP kesalahan ini dikenakan qisās iaitu cedera jari balas jari, cedera tangan balas tangan dan lain-lain.⁴² Manakala U.99 dan U.Mn. peruntukan yang diberikan adalah sama cuma berbeza dari segi jumlah bayaran denda yang dikenakan.

U.Mn. pula meletakkan bahawa jika luka di-

⁴²Kempe & Winstedt, " A Malay Legal Digest of Pahang," fasal 47.

⁴³J.G.Rigby, " Ninety-nine Law of Perak, " fasal 2, n. 57.

bawah sudu hati didenda 4 rial, sepasang pakaian, sepinggan nasi kunyit dan 4 emas. Jika luka itu di badan dendanya ialah 8 rial dan dikenakan denda 5 tahil 1 paha bagi luka di bahagian atas atau bawah tengkok. Jikalau di bahagian atas atau bawah kening dikenakan denda seekor unta atau 10 tahil.⁴⁴

ii- Bahagian Undang-undang Keluarga:

Perbincangan mengenai undang-undang keluar-ga merangkumi segi perkahwinan, perceraian dan pembahagian harta dan lain-lain. Mengenai dengan peruntukan tentang perkahwinan dan perceraian yang diperuntukan oleh Undang-undang Melayu Lama terdapat pada UP, U.99 dan UM., sahaja membicarakannya secara lebih jelas sedikit dan mengikut undang-undang Islam.

⁴⁴Winstedt, " An Old Minangkabau Legal Digest from Perak, " fasal 95.

UM dan UP telah menerangkan mengenai dengan kedudukan dan syarat wali bagi sesuatu perkahwinan. Umpamanya seorang anak dara, ia mestilah meminta izin dari walinya untuk berkahwin. Wali itu mestilah terdiri dari bapa, datuk atau saudara lelaki sigadis. Jika bapanya tidak ada untuk dijadikan wali, bolehlah datuk (wali mujbīr) ganti tempat bapa. Jika " wali mujbīr " tidak ada digantikan dengan " wali akrāb " iaitu keluarga yang hampir dan akhirnya jika " wali akrāb " pun tidak ada maka barulah digunakan " wali hakim ". " Wali hakim " ini boleh digunakan dengan beberapa syarat:- ⁴⁵

- a- Apabila tidak didapati " wali akrāb ".
- b- Susah untuk dihubungi dan ia berada jauh dari negeri (yang mana untuk sampai kepadanya sehari semalam).
- c- Jika sigadis itu yatim piatu.

⁴⁵Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, fasal 25.I dan Kempe & Winstedt, " A Malay Legal Digest of Pahang, " fasal 67.

Peruntukan yang dibuat oleh UM dan UP adalah serupa dengan peruntukan yang terdapat dalam undang-undang Islam. Mengikut Winstedt, kedua-dua undang-undang Melayu Lama ini mengikut Mazhab Shafie.⁴⁶

Mengikut Mazhab Shafie, susunan wali ialah terdiri daripada bapa, kemudian datuk, kemudian bapa kepada datuk lelaki hingga ke atas. Apabila berkumpul kedua-dua ini maka yang lebih berhak ialah yang lebih hampir. Kemudian saudara lelaki seibu sebapa, saudara lelaki sebapa, anak saudara lelaki seibu sebapa, anak saudara lelaki sebapa, bapa saudara seibu sebapa, bapa saudara sebapa, kemudian anak bapa saudara seibu sebapa, anak bapa saudara sebapa. Kemudian berpindah hak kewalian kepada orang yang merdeka jika ianya lelaki kemudian turun kepada ^casabahnya jika didapati. Kemudian berpinda-

⁴⁶R.O.Winstedt, The Malaya A Cultural History, h. 102.

dan kepada hakim jika tiada wali nasab di masa melakukan perkahwinannya.⁴⁷

Mengikut Islam " wali mujbīr " ialah wali yang mempunyai kuasa mengahwinkan orang-orang tertentu di bawah kuasa kewaliannya tanpa izin dan rela calon pengantin.⁴⁸ Wali "tidak mujbīr" ialah wali yang tidak sah mengahwinkan orang di bawah kuasa kewaliannya kecuali dengan izin dan rela dari calon pengantin.⁴⁹

Dalam Mazhab Shafie, " wali mujbīr " ialah bapa, datuk sebelah bapa, tuan pada hamba. Mazhab Shafie tidak mengakui anak sebagai wali kecuali kalau anak itu menjadi qādī atau ada hubungan nasab secara lain seperti anak bapa saudara sebelah bapa.⁵⁰

⁴⁷c Abdul Rahmān al-Jāziri, Kitāb al-Fiqh ala al-Muzāhib al-Arbaʿah, Juzu' 4, Cetakan 5, (al-Qahirah: 1938), h. 28.

⁴⁸Ibid., h. 28.

⁴⁹Ibid., h. 29.

⁵⁰Ibid., h. 29.

Manakala " wali mujbīr " pula ialah wali yang lebih dekat (hubungan darah) dengan calon pengantin perempuan berbanding dengan wali-wali yang lain seperti di antara bapa dengan datuk di sebelah bapa, saudara lelaki seibu sebapa lebih diutamakan dari saudara lelaki sebapa dan begitulah seterusnya mengikut tertib wali.⁵¹

" Wali hakim " ialah seorang yang kerana kedudukannya (umpamanya qādī) berhak melakukan ^caqad perkahwinan. Hak ini didapatinya berdasarkan pada penyerahan dari wali nasab atau kerana tidak adanya wali nasab menurut cara-cara tertentu.⁵²

Dalil yang menunjukkan hakim (Sultan atau qādī) mempunyai kuasa melaksanakan ^caqad nikah dalam keadaan tertentu adalah berdasarkan hadith berikut:-

⁵¹Idris Ahmad, Fiqh Shāfi^ci, Cetakan Pertama, (Djakarta: Penerbit Wijaya, 1969), h. 183.

⁵³Ibid., h. 182.

"فان استجروا فالسلطان ولي من ولي له"

Maksudnya:

" Jika mereka (wali) berkelahi maka Sultan adalah menjadi wali bagi sesiapa yang tidak mempunyai wali. " ⁵⁴

Secara umumnya kuasa melaksanakan ^caqad perkahwinan akan berpindah pada hakim atau Sultan atau qādī apabila wali enggan dan wali qhaib atau hilang.

Keengganan wali ialah wali enggan melaksanakan ^caqad nikah orang di bawah jagaannya tanpa hak. Mengikut hukum dalam Mazhab Shāfi^ci bila seorang wali sama ada "wali mujbīr" atau tidak mujbīr enggan tanpa hak di sisi syara' mengahwinkan seorang perempuan di bawah kuasa kewaliannya maka ha-

⁵⁴ Zākī al-Dīn Syu^cban, al-ahkām al-Syar^ciyah al-Ahwāl al-Syakhsīah, Cetakan Kedua, (Libya: Mansyurat al-Jāmi^cah al-Dībya Kullīah al-Huquq, 1971), h. 205.

kim atau Sultan berhak mengahwinkan perempuan itu bagi keengganan pertama dan kedua. Hak kewalian itu tidak berpindah pada wali yang lebih jauh, tetapi kalau enggan kali ketiga maka hak kewalian itu berpindah pada wali yang lebih jauh.⁵⁵

Mengenai ketiadaan wali, mengikut Mazhab Shāfi^ci sekiranya " wali akrāb " hilang sejauh dua marhalah atau lebih dan tidak disahkan bahawa ia telah meninggal dunia dan tidak mempunyai wakil yang hadir untuk mengahwinkan orang di bawah kewalian-nya maka kuasa melaksanakan ^caqad nikah itu berpindah kepada qādī dan Sultan tidak pada wali yang lebih jauh.⁵⁶ Seterusnya mengikut pendapat Mazhab Shāfi^ci lagi, jika qādī mengesahkan bahawa wali itu telah meninggal dunia, maka hak kewalian berpindah pada wali yang lebih jauh.

⁵⁵ Sulaiman al-Bājirmi, Syarah al-Khātib al-Mussamma bī al-Iqna', Juzu' 3, (Dār al-Kutub al-^cArabiah al-Kubrā, t.t), h. 318.

⁵⁶ Shamsuddin Muhammad' bin Abī al-Abbās dan Ibn Shīhab al-Dīn, Nihāyatu al-Muhtaaj ila Sarh al-Minhaj, juzu' 6, (Syarikat Maktabah Mustapha al-Bābī, 1939), h. 236.

Mengikut UM dan UP lagi, jika seorang janda ingin dikahwinkan mestilah meminta izin darinya dahulu. Manakala seorang budah yang belum cukup umur tidak boleh dikahwinkan walaupun dapat izin darinya.⁵⁷ Ini sesuai dengan hadith riwayat Abi Hurairah. Nabi (saw) telah bersabda :-⁵⁸

" لا تتكح الايم حتى تستامر ولا تنكح البكر حتى تستأذن قالوا يا رسول الله وكيف ازنها قال ان تسكت "

Maksudnya:

" Tidak dikahwinkan janda sehingga diminta berbuat demikian dan tidak dikahwinkan anak dara sehingga diminta izin, mereka berkata wahai Rasulullah, bagaimana izinnya, katanya (rasul) bahawa ia diam. "

⁵⁷ Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, fasal 25.I dan Kempe & Winstedt, " A Malay Legal Digest of Pahang," fasal 67.

⁵⁸ Mohammād bin Ismā'īl al-Amir, Subul al-Salām Sharhu Bulugh al-Muram, Jilid 3, (Damsyek : Idarah al-Tabā'ah al-Munirah, t.t), h. 160.

Di samping itu UM menerangkan juga tentang "ījāb" dan "qabul" dalam perkahwinan iaitu ucapan beri dan terima dalam perkahwinan.⁵⁹

Dalam setiap perkahwinan mestilah ada saksi. Oleh sebab itu UM telah menerangkan bahawa saksi-saksi itu mestilah terdiri daripada 4 orang lelaki beragama Islam, merdeka, adil dan "salleh" (baik). Jikalau susah didapati 4 orang dibolehkan menggunakan dua orang.⁶⁰ Tetapi dalam Mazhab Shāfi^ci saksi, hanya ditentukan pada dua orang lelaki, beragama Islam, baliqh, berakal, mendengar dan melihat, waras, ^cadil, bukan wali yang melakukan ^caqad dan mengertikan istilah ījāb dan qabul.⁶¹

Dalam UM juga telah diperuntukkan bahawa sesuatu perkahwinan itu adalah terfasakh atau pun terbatal bila didapati salah seorang daripada pasa-

⁵⁹Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, fasal 25.

⁶⁰Ibid., fasal 27.

⁶¹Drs. Sidi Gazalba, Di Ambang Pintu Perkahwinan, (Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1976), h. 57.

ngan yang berkahwin itu mengidap 5 perkara berikut
iaitu:-⁶²

- a- sopak.
- b- gila.
- c- kurap.
- d- lemah zakar.
- e- perempuan yang farajnya ditutupi oleh
daging atau tulang.

Dalam Islam menentukan bahawa terfasakh sesuatu perkahwinan bila didapati sesuatu kecacatan pada suami atau isteri seperti gila, sopak, kusta, mati pucuk dan sebagainya. Selain daripada itu jika salah seorang daripada mereka murtad atau suami melakukan persetubuhan "syubhah" (salah sangka) dengan ibu atau anak isterinya (anak tiri suami), suami tidak mempunyai nafkah, tempat kediaman atau membayar mas-kahwin dan suami menghilangkan dirinya bertahun-tahun lamanya tidak diketahui sama ada hidup atau mati.⁶³

⁶²Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, fasal, 27.

⁶³Syar'i'e, al-Umm, semakan Muhammad Zuhry al-Najjar, Vol. 5, (Mesir: Syarikah al-Tiba'ah al Fan-niah al Muttahidah, 1961), h. 41.

U.99 pula menetapkan beberapa larangan perkahwinan bagi lelaki dan perempuan,⁶⁴ seperti:-

- a- emak dengan anak.
- b- anak dengan bapa.
- c- adik beradik.
- d- sepersusuan.
- e- janda anak.
- f- Islam dengan kafir.
- g- Orang yang tidak tahu " Bismillah."

Peruntukan yang dibuat ini ada persamaan dengan Islam iaitu seperti firman Allah yang berbunyi:-⁶⁵

" حرمت عليكم امهاتكم وبناتكم واخوانكم وبنات اخوتكم وبنات اخواتكم من الرضعة وامهات نسائكم وربكم التي في حجبوركم من نسائكم التي دخلتم بهن فان لم تكونوا دخلتم بهن فلا جناح عليكم واخلل ابنائكم الذين من اصلبكم وان تجمعوا بين الاختين الا ما قد سلف ان الله كان غفورا رحيمًا "

⁶⁴J.G.Rigby, "Ninety-nine Laws of Perak," fasal 83 dan 85.

⁶⁵al-Qur'ān, Surāh an-Nisā', 4 : 23.

Maksudnya:

" Diharankan atas kamu mengahwini ibu-ibumu, anak-anakmu yang perempuan, saudara-saudara bapamu yang perempuan, saudara-saudara ibumu yang perempuan, anak-anak perempuan dari saudara-saudara mu yang perempuan, ibu-ibumu yang menyusukan kamu, saudara perempuan sepersusuan, ibu-ibu isterimu, anak-anak isterimu yang dalam pemeliharaanmu dari isteri yang telah kamu campuri tetapi jika kamu belum campur dengan isterimu itu, maka tidak berdosa kamu mengahwininya, dan diharankan bagimu isteri-isteri anak kandungmu dan menghimpunkan dua perempuan yang bersaudara, kecuali yang telah terjadi pada masa lampau, sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. "

Selain daripada itu U.99 dari Perak juga menyatakan bahawa perempuan yang berumur 17 tahun

hendaklah dikahwinkan.⁶⁶

Mengenai dengan mas-kahwin pula UM ada menyatakan bahawa mas-kahwin itu boleh dipulangkan tanpa ada apa-apa tambahan apabila didapati silelaki itu gila, dayus, berpanyakit dan tidak tahu keturunan silelaki itu. Begitu juga lelaki boleh meminta kembali mas-kahwin apabila didapati siperempuan itu seorang abdi (tidak merdeka). Kedua tidak aib siperempuan itu. Ketiga siperempuan itu gila dan keempat diperempuan itu berpanyakit seperti busung, buwasir dan sopak.⁶⁷

Dalam peruntukan yang dibuat oleh UM, undang-undang ini tidak menetapkan nilai mas-kahwin itu. Walau bagaimanapun U.99 ada menyatakan bahawa belanja mas-kahwin itu ditentukan berperingkat-peringkat:-⁶⁸

⁶⁶J.G.Rigby, "Ninety-nine Laws of Perak," fasal 6I.

⁶⁷Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, fasal I8.2.

⁶⁸J.G.Rigby, "Ninety-nine Laws of Perak," fasal 9.

- a- Rakyat biasa - setahil sa paha emas.
- b- Raja - 10 paha emas.
- c- Bani Hasyim - 15 tahil emas.

U.Mn. telah menerangkan bahawa ketika upacara peminangan pihak lelaki dikehendakki membawa 5 tahil I paha beserta sirih,⁶⁹ dan tidak menyatakan dengan jelas mengenai dengan perkahwinan dan perceraian sama ada ^Caqad nikah, cerai, ^Ciddah cuma menyatakan bahawa kesemua perkara-perkara itu terpulang pada undang-undang Islam.⁷⁰

UK pula hanya menyentuh tentang ^Cadat meminang iaitu di segi perbezaan ketika membawa hantaran peminangan.⁷¹ Contohnya jika anak Menteri Besar ketika meminang dibawa sireh 9 bekas, belanja sireh 24 emas bungkal, cincin sebentuk kain dari jenis cindai 2 helai dan sireh pinang 3 bekas.

⁶⁹Winstedt, " An Old Minangkabau Legal Digest," fasal 3.

⁷⁰Ibid., fasal 74.

⁷¹Winstedt, "Kedah Laws," fasal I, Bab IV.

Jika anak Menteri biasa pula sireh 7 bekas, kain cindai sehelai, cincin sebentuk, harga sireh 12 emas. Anak hulubalang pula sireh pinang 5 bekas, kain sekerat, cincin sebentuk dan harga sireh 8 emas. Sedangkan anak rakyat biasa hanya sireh 4 bekas, cincin sebentuk, kain sekerat dan harga sireh 5 emas.

Di sini didapati bahawa upacara meminang antara rakyat biasa dan pembesar adalah berlainan dan adat seperti ini masih berlaku di negara kita di Malaysia di mana jika anak-anak raja atau Sultan dan pembesar belanja untuk perkahwinan dan meminang adalah tinggi.

Tentang keharusan bagi seorang lelaki berkahwin dengan perempuan Majusi dan kafir yang sudah memeluk agama Islam serta berkahwin dengan perempuan ahli kitab.⁷²

⁷²Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, fasal 28.2.

Seorang lelaki juga dibolehkan berkahwin dengan seorang abdi dengan 4 syarat iaitu pertama jika silelaki belum lagi berkahwin. Kedua jika lelaki tidak dapat menahan nafsunya lagi. Ketiga jika ia tidak sanggup untuk memenuhi wang hantaran perempuan merdeka dan yang keempat abdi itu beragama Islam.⁷³

Sebagaimana yang kita ketahui setiap pertemuan ada perpisahan. Begitu juga dengan perkahwihan, tidak semesti setiap perkahwinan itu kekal selama-lamanya. Sampai masanya akan berlaku perceraian sama ada cerai mati atau cerai hidup.

Oleh sebab itu undang-undang Melayu Lama ada juga membincangkan tentang perkara ini walaupun tidak secara mendalam. U.99 telah menyatakan bahawa jika pihak perempuan yang ingin meminta cerai ia kenalah bayar kembali belanja nikah.⁷⁴

⁷³Ibid., fasal 28.3.

⁷⁴J.G.Rigby, "Ninety-nine Laws of Perak," fasal 7.

Jika seorang lelaki yang menceraikan isterinya tanpa ada apa-apa kesalahan maka ia mestilah memberi nafkah pada isterinya selama 3 bulan, manakala harta sepencarian dibahagikan dua iaitu barang-barang besi atau senjata diberi pada suami dan perkakas-perkakas perhiasan, perkakas rumah, rumah dan lain-lain diberi pada isteri.⁷⁵

Jika perceraian itu disebabkan dari pihak isteri seperti ia berzina, tidak mengurus rumah tangga, tidak beribadat, si isteri dikenakan denda membayar sepaha emas, dan barang-barang lain diberi pada suami.⁷⁶

Bagi perempuan yang dicerai mereka diberikan nafkah iaitu sepaha emas dan jika mempunyai anak ia diberi 3 paha emas. Jika ia tinggal di kawasan yang memang boleh diusahakan untuk mendapatkan makanan maka ia tidak diberikan nafkah.⁷⁷ Ruju' boleh

⁷⁵Ibid., fasal 3I.

⁷⁶Ibid., fasal 3I.

⁷⁷Ibid., fasal 39.

dibuat dalam masa 3 bulan 10 hari.⁷⁸ Penjagaan anak jika berlaku perceraian maka diberi kepada ibu jika ia belum sampai umur 9 tahun. Jika lebih daripada 9 tahun itu terpulang pada anak itu sendiri sama ada hendak pergi kepada emaknya atau bapanya.⁷⁹

Apabila sesuatu perceraian berlaku harta sebelah akan diberi pada masing-masing hak dan tidak boleh dibahagikan. Tetapi jika sudah 3 tahun berkahwin maka anak berhak menerima harta itu.⁸⁰

UM telah membahagikan *tālaq* kepada dua :-

- a- *Tālaq raj^ci* iaitu *tālaq* yang boleh ruju' semula.
- b- *Tālaq ba'in* iaitu *tālaq* yang tidak boleh kembali hanya dengan syarat-syarat yang tertentu sahaja.

Pembahagian yang dibuat adalah serupa dengan Islam. *Tālaq raj^ci* itu seperti *tālaq* satu dan

⁷⁸Ibid., fasal 81.

⁷⁹Ibid., fasal 82.

⁸⁰Ibid., fasal 53.

atau pun dua dan boleh ruju' pada bila-bila masa sahaja. Manakala *tālaq* ba'in jika ingin kembali semula perempuan itu hendaklah berkahwin dengan orang lain dahulu kemudian ia diceraikan oleh lelaki yang baru dikahwini itu. Selepas ^ciddah ia boleh kembali semula pada suaminya. Dalam ^cadat Melayu ia dikenal sebagai "cina buta". Masa ^ciddah ialah 3 bulan 10 hari.^{8I}

Dengan ini didapati bahawa undang-undang Melayu lama kebanyakannya cenderung pada undang-undang Islam terutamanya UM dan UP. Contohnya dalam hal syarat-syarat perkahwinan dan perderaian iaitu tentang kedudukan wali, saksi perkahwinan, halangan perkahwinan, keharusan berkahwin, *tālaq*, ruju' dan lain-lain.

Mengenai dengan pembahagian harta pusaka hanya dua teks undang-undang Melayu yang banyak mem-

^{8I} Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, fasal 28.I.

bincangkannya iaitu U.99 dari Perak dan U.Mn. U.99 telah memperuntukkan bahwa harta yang berupa pinggan, mangkok, periok belanga, kampung, rumah dan tikar diberi pada anak perempuan manakala anak lelaki mendapat barang-barang berupa besi, senjata, bendang dan galian. Apabila ada hutang piutang maka satu bahagian dibahagikan pada anak perempuan dan dua bahagian untuk anak lelaki. Manakala harta-harta yang lain dibahagi dua.⁸²

Berhubung dengan orang yang mati dan tidak mempunyai anak maka hartanya diberi pada pemerintah kemudian selebihnya iaitu sebanyak harta isi kahwin (perbelanjaan kahwin) diberi pada qādī selepas itu selebihnya digunakan untuk perbelanjaan kenduri selama 100 hari dan jika ada lebih lagi barulah diberi pada kaum kerabatnya.⁸³

⁸²J.G.Rigby, " Ninety-nine Laws of Perak," fasal 33.

³³Ibid., fasal 34.

Jika seorang bujang yang mati maka hartanya diberikan pada saudaranya dan ibu bapanya tidak berhak menerima hartanya, mereka hanya dibolehkan memiliki pakaiannya. Kalau simati tiada mempunyai saudara dan ibubapa maka hartanya diberikan pada pemerintah atau qādī. ⁸⁴

Kalau seorang perempuan yang telah bercerai dan mempunyai anak maka anak bagi perkahwinan kali pertama berhak menerima harta bagi perkahwinan kedua, ⁸⁵ (iaitu anak dari hasil perkahwinannya dengan suami pertama berhak menerima harta bila ia berkahwin dengan lelaki lain iaitu suaminya yang kedua.).

Seorang dagang yang meninggal dunia hartanya diberikan kepada raja atau penghulu daerah di mana ia meninggal dunia dan jika didapati ia tidak mempunyai sebarang harta maka urusan pengkebumiannya di pertanggung jawabkan keatas raja dan penghulu

⁸⁴Ibid., fasal 35.

⁸⁵Ibid., fasal 75.

daerah itu.⁸⁶ U.Mn. pula menerangkan bahawa harta sepencarian seperti sawah padi, kebun dan tanah pusaka dibahagi dua. Jika harta yang tidak tahan lama (harta layuan) dua pertiga diberi pada suami dan satu pertiga pada isteri dan anak akan mendapat satu pertiga daripada harta bapanya.⁸⁷

Jika sepasang suami isteri mempunyai dua orang anak iaitu lelaki dan perempuan maka harta pusaka dibahagikan pada tiga iaitu satu bahagian untuk yang lelaki dan dua pertiga untuk yang perempuan. Di samping itu anak perempuan mendapat rumah dan segala yang ada di kawasan rumah serta pakaian dan perhiasan. Manakala binatang ternakan dibahagikan dua pada anak lelaki dan perempuan.⁸⁸

Mengenai dengan kawasan hutan atau ladang yang terbiar dalam masa 12 tahun maka kawasan-kawa-

⁸⁶Ibid., fasal 76.

⁸⁷Winstedt, " An Old Minangkabau Legal Digest," fasal II4.

⁸⁸Ibid., fasal II5.

san itu menjadi kepunyaan pemerintah dan orang yang mempunyai hak pada kawasan itu tidak boleh menuntut kembali.⁸⁹ Sawah padi yang terbiar selama 3 tahun, kerajaan akan memberinya pada orang lain.⁹⁰

Jika kawasan itu diduduki oleh waris yang empunya maka kepunyaannya itu tidak akan tergugat (iaitu kerajaan tidak mengambilnya).⁹¹ Barang siapa yang membuka satu kawasan maka itu menjadi haknya.⁹² Kawasan-kawasan yang ditumbuhi oleh pohon-pohon buah-buahan dengan sendirinya seperti durian dan lain-lain itu merupakan kepunyaan tuhan,⁹³ akan tetapi jika sesuatu kawasan itu dipunyai oleh seseorang atau kerajaan ditumbuhi oleh buah-buahan atau lain-lain maka itu merupakan harta anak Adam (harta rakyat) dan jika sesiapa yang ingin memakan buah-buahan di kawasan itu ia hendaklah meminta kebenaran dari ketua atau empunya kawasan itu.⁹⁴

⁸⁹Ibid., fasal 60.

⁹⁰Ibid., fasal 61.

⁹¹Ibid., fasal 63.

⁹²Ibid., fasal 64.

⁹³Ibid., fasal 66.

⁹⁴Ibid., fasal 66.

iii- Bahagian Mu^cāmalāt:

Mengenai dengan hal jual beli UM telah membuat peruntukan yang sama dengan Islam. Contohnya mengenai rukun dan syarat orang yang berjual beli itu mestilah berakal, baliqh, tidak mabuk dan ada ^caqad (kata jual dan kata beli). Syarat benda yang hendak dijualkan itu mestilah dari benda yang suci dan ada manfaatnya. Begitulan seterusnya tentang keharusan memilih (khiār) barang yang dibeli, tentang jual beli yang dianggap riba dan jual beli yang samar-samar.⁹⁵

Contoh dalam Islam dari segi jual beli yang dianggap riba ialah hadith riwayat Ibnu Abbās:

سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول : ينهى
من بيع الذهب بالذهب، والفضة بالفضة والبر بالبر
ولشعير بالشعير والتمر بالتمر والملح بالملح إلا سوا
عينا بعين فمن راداء وأرداد فقد أربى

⁹⁵Liaw Yock Fang; Undang-undang Melaka, fasal 30 dan Kempe & Winstedt, " A Malay Legal Digest of Pahang," fasal 31.

Maksudnya:

" Sabda Rasul (saw); melarang menjual emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, syair dengan syair, korma dengan korma, garam dengan garam kecuali sama banyaknya. Maka barang siapa menambah atau minta tambah maka ia telah melakukan riba. " 96

Tentang barang-barang yang tidak boleh dijual belikan dapat dilihat dari hadits yang diriwayatkan oleh Jabir:⁹⁷

" قال الرسول الله صلى الله عليه وسلم : ان الله ورسوله حرموا بيع الخمر والميتة والخنزير والاضام ، فضيل يا رسول الله اراءيت شحم الميتة فانه يطل بها السفن ويستصبح بها ، فقال : لعن الله اليهود حرمت الشحم عليهم فبا عوها واكلوا اثمانها . "

⁹⁶ Ibnu Rushd, Idāyatul Mujtahid wa Nihayatul Muktasid, Juzu' 2, (Mesir: Tabā'ah Thalī, 1960/ 1319 h.), h.139.

⁹⁷ Ibid., h. 126.

Maksudnya:

" Sabda Rasul (saw): Allah dan rasulnya melarang menjual arak, bangkai, babi dan patung-patung. Maka dikatakan kepadanya, wahai Rasulullah, bagaimana pendapat engkau tentang lemak-lemak bangkai, kerana ia dipakai untuk mengecat kapal-kapal dan dijadikan lempu? Maka Rasulullah berkata: Tuhan mengutuk orang-orang Yahudi, mengharamkan lemak pada mereka kemudian mereka menjualnya dan mengambil harganya. "

Selain daripada itu UM juga ada menyatakan tentang jenis-jenis jual beli yang lain seperti dalam fasal 3I.1, 3I.2 dan 3I.3 yang mempunyai persaanaannya dengan UP, iaitu dalam fasal 26.

UK memperuntukkan bahawa setiap perlakuan jual beli hendaklah diberitahu pada raja atau pemerintah serta memperuntukkan bahawa setiap perlakuan jual beli hendaklah dilakukan secara adil.⁹⁸

⁹⁸Winstedt, "Kedah Laws," fasal 4 & 10, Bab L

U.99 dari Perak, tidak menyentuh langsung tentang syarat jual beli dan lain-lain. Undang-undang ini hanya menyentuh tentang hutang piutang iaitu sesiapa pun boleh memberi hutang jika seseorang itu betul-betul memerlukan untuk jalan kebaikan dan ia sanggup membayarnya.⁹⁹ Jika seseorang itu betul-betul susah maka seseorang itu mestilah menolongnya dengan wang kalau tidak ada wang, beri pendapat sahaja. Jika pendapat juga tiada maka cukuplah dengan menolongnya buar kerja.¹⁰⁰

U.Mn. juga serupa dengan U.99 yang hanya menyatakan tentang orang berhutang iaitu hubungan antara orang-orang yang berhutang dan memberi hutang. Umpamanya jika didapati orang yang berhutang itu tidak memenuhi janji-janjinya untuk bekerja yang menyebabkan pergaduhan antaranya dengan yang memberi

⁹⁹J.G.Rigby, "Ninety-nine Laws of Perak," fasal 17.

¹⁰⁰Ibid., fasal 18.

hutang dan ia dipukul maka hutangnya itu terbatal.^{I01} Setiap hutang yang dibuat mestilah dijelaskan pada waktu yang telah ditetapkan.^{I02} Seorang yang memberi hutang dipaksakan berkahwin dengan perempuan yang berhutang padanya jika ia telah memperkosainya. Jikalau perempuan itu seorang yang merdeka maka perbelanjaan kahwinnya hendaklah diberi dua kali ganda dan jika tidak merdeka ia dikenakan denda $2\frac{1}{2}$ tahlil sapaha.

Berhubung dengan hutang ini UM dan UP mempunyai peruntukan yang sama. Contohnya sesiapa yang mahu meminta atau meminjam sesuatu dari orang lain, hendaklah ia meminjam benda yang mendatangkan faedah dan mestilah mengembalikan semula benda itu seperti ia mengambilnya. Kalau seseorang lelaki menyuruh lelaki lain pergi ke satu tempat dengan urusannya dan ia meminjamkan keenderaannya tapi keenderaan itu

^{I01}Winstedt, " An Old Minangkabau Legal Digest from Perak," fasal 40.

^{I02}Ibid., fasal 41.

telah rosak dan sebagainya, maka lelaki yang meminjam tadi tidak payah menggantikan keenderaan yang rosak tadi. Ini adalah disebabkan meminjam itu bukan kehendaknya tapi ia diberi pinjam.^{I03}

Orang yang muflis tidak dibenarkan menguruskan harta orang lain, hakim terpaksa menahan orang muflis daripada menjalankan hartanya sendiri baik dalam apa-apa urusan sekalipun. Di sini seolah-olah harta orang itu telah dirampas oleh pihak berkuasa. Jikalau ia menjalankan syarikat maka kongsi-nya itu boleh mengambil harta yang baki kerana yang muflis tadi tidak sah lagi menjalankan perniagaan.^{I04}

Didapati UM banyak memperuntukkan hal-hal mengenai dengan perniagaan ini disebabkan pada abad ke - 15 negeri Melaka telah menjadi sebuah pusat perdagangan yang terbesar di Asia Tenggara.^{I05}

^{I03} Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, fasal 32.5 dan Kempe & Winstedt, "A Malay Legal Digest of Pahang," fasal 32.

^{I04} Ibid., fasal 32.1 dan 27.

^{I05} Musa bin Daia, Iktisar Sejarah Malaysia 1400-1969, (Kelantan: Penerbitan PAP, 1971), h. 19.

Hal ini disebabkan negeri Melaka itu terletak di tempat pertemuan angin Monsun. Dalam bulan Mei hingga Oktober angin barat daya telah membawa kapal-kapal dari Laut Merah, Telok Parsi dan India bersama dagangan dari Eropah dan India berhenti di pengkalan Melaka. Barang-barang itu dijual kepada saudagar-saudagar yang sedang menunggu di Melaka. Dalam bulan November hingga April angin Timur Laut membawa kapal dari negeri Cina dan Indo-Cina ke Melaka bersama barang-barang dagangan mereka.^{I06}

iv- Bahagian Kebesaran dan Keistimewaan Raja-raja dan Pembesar:

a- Mengenai dengan larangan di Raja:

Di sini didapati tiga teks undang-undang yang membicarakan tentang perkara ini iaitu UM, UP

I06

Ibid., h. 19 .

dan UK.^{I07} Larangan itu terdiri dari pakaian iaitu berwarna kuning, senjata yang berhulukan emas dan bahasa di Raja iaitu titah, patik, murka, kurnia dan anugerah. Setiap rakyat tidak dibenarkan menggunakan atau memakai segala yang telah diperuntukan itu.

Dari segi pemakaian barang-barang perhiasan daripada emas seperti memakai gelang kaki emas dan lain-lain di sana didapati persamaan antara UM dan UP.^{I08} Begitu juga dalam fasal 43.2 UM dan fasal 66-UP.

Larangan dan peraturan yang dikenakan terhadap golongan bukan istana sungguh terperinci, hingga dalam soal memakai payung pun harus kena dengan warnanya. Umapamanya rakyat dilarang memakai payung berwarna putih dan kuning. Payung putih

^{I07} Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, fasal I.I, Kempe & Winstedt, "A Malay Legal Digest of Pahang," fasal I dan Winstedt, "Kedah Laws", fasal 4, 5 dan 7, Bab III.

^{I08} Ibid., fasal 47.7 (UM) dan fasal 76 (UP).

untuk raja payung kuning untuk anak raja-raja, payung ungu, merah dan hijau untuk sida-sida, bentara dan hulubalang, manakala payung biru dan hitam pula ialah untuk orang-orang ternama juga. Larangan seperti ini sesuai dengan ^cAdat Raja-raja Melayu yang menetapkan bahawa warna kuning merupakan warna larangan dan barang-barang perhiasan yang dibuat daripada emas sama ada gelang kaki atau keris.¹⁰⁹

b- Mengenai dengan pribadi Raja :-

Syarat menjadi raja mestilah pemurah, perkasa, pengampun dan menjalankan hukum dengan betul atau adil.¹¹⁰ Ini sesuai dengan ^cAdat Raja-raja Melayu yang meletakkan bahawa syarat menjadi raja itu empat perkara:-¹¹¹

¹⁰⁹Tardjan Hadidyaja, Adat Raja-raja Melayu, (Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara, 1964), h. 96 - 97.

¹¹⁰Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, fasal I.3, Winstedt, "Kedah Laws", fasal 3, Bab III dan J.G.Rigby, "Ninety-nine Laws of Perak," fasal 92.

¹¹¹Tardjan Hadidyaja, ^cAdat Raja-raja Melayu, h. 60.

III

- a- hati yang lurus (jujur).
- b- bermuka manis.
- c- pandai bercakap.
- d- pemurah.

Manakala hukum jadi raja pula ada empat perkara:-

- a- Adil.
- b- Mengasehani.
- c- Kekerasan atau tegas.
- d- Berani.

c- Mengenai tugas Raja dan pembesar:-

Boleh dikatakan bahawa semua teks undang-undang Melayu Lama ada menyatakan tentang hal ini. Contohnya dalam UM^{II2} menerangkan tentang tugas Raja ialah melantik Bendahara, Temenggong, Penghulu Bendahari, Syahbandar dan tiap-tiap pembesar ini dise-

^{II2} Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, fasal O.I.

rahan kerja atau tugas masing-masing. Umpamanya Bendahara bertugas sebagai mentadbirkan negara. Tugas Temenggong pula menjaga keamanan negeri. Di dalam UK terdapat juga peruntukan tentang tugas Temenggong ^{II3} yang mana tugasnya sama seperti yang diperuntukan dalam UM.

Di samping itu UM juga menyatakan tentang tugas Syahbandar seperti Menteri Perdagangan dan Kebajikan. Ini terdapat juga di dalam UK. ^{II4} Manakala U.99 serta U.Mn. tidak mengkhususkan jawatan seperti Bendahara, Temenggong dan lain-lain, tetapi menyatakan tentang imām, qādī dan penghulu. ^{II5}

Teks ini hanya menyatakan tentang tugas Raja dan pembesar-pembesar seperti raja bertanggung jawab ke atas rakyatnya seperti mati hidup dan lain-

^{II3}Winstedt, "Kedah Laws", fasal I, Bab. III.

^{II4}Ibid., fasal 31 dan 37, Bab III.

^{II5}J.G.Rigby, "Ninety-nine Laws of Perak," fasal 98.

lain. ^{II6} Begitu juga pembesar tugasnya ialah terhadap raja dan rakyat. ^{II7} U.Mn. hanya menerangkan tugas menteri ialah mentadbirkah undang-undang, kebudayaan dan ugama. ^{II8}

UK banyak menekankan tentang undang-undang pelabohan, alat Kerajaan pada masa pertabalan orang-orang Besar dan mengenai dengan Bunga Mas, di mana tidak diperkatakan oleh undang-undang Melayu lama yang lain. Mengikut Clifford, Kedah adalah negeri yang tertua yang merupakan tempat persinggahan saudagar-saudagar India dari abad pertama lagi. ^{II9}

Mengenai dengan pertabalan orang-orang Besar di sana disebutkan tentang peraturan yang leng-

^{II6} Ibid., fasal II.

^{II7} Winstedt, "An Old Minangkabau Legal Digest from Perak," fasal 91.

^{II8} Ibid., fasal 92.

^{II9} Mary Louise Clifford, The Land & People of Malaysia, (Philadelphia & New York : J.B. Lippincott Company, 1968) h. 27.

kap dan sistematik di balai penghadapan Istana. Kedudukan masing-masing pegawai diatur mengikut taraf dan kedudukan di sisi Raja. Umpamanya kedudukan Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggong, Menteri-menteri, Orang Besar-besar dan segala Sida-sida ialah di tempat terhormat yang khas. Kemudian baru diikuti oleh anak-anak raja di kiri kanan balai, segala sida-sida yang muda, bentara-bentara dan hulubalang-hulubalang duduk di keliling balai. Dalam upacara menyembah raja (menjunjung duli) juga harus mengikut tertib, taraf dan kedudukan masing-masing. Umpamanya Menteri dan Orang Besar-besar didahulukan, kemudian baru diikuti oleh Bentara dan sida-sida dan seterusnya.

Mengenai dengan Bunga Mas yang diadakan oleh UK sahaja disebabkan Kedah pernah dinaungi oleh Siam dan sebagai menunjukkan kepatuhan mereka pada Kerajaan Siam maka bunga mas diberikan. Bunga Mas ini ialah bunga yang batang, cabang dan lain lagi lagi disalutkan dengan perak dan emas. Ini didasar-

kan pada Hikayat Merong Mahawangsa yang menceritakan
bahawa:^{I20}

".... tambak cabang yang bersampok
emas saga merekah dan bercincin
perak dan tambak yang bermata ni-
pis bersampok emas dan perak juga
lagi diperbuat lembing yang ber-
nama "bungaan" dengan bersampok
emas juga dan lagi di lengkap de-
ngan perisai dan utarnya seperti
kelengkapan orang berangkat perang
lakunya. "

Sebagai kesimpulannya di antara kelima-lima
teks undang-undang Melayu Lama ini didapati UM dan
UP mempunyai banyak persamaan. Umpamanya dalam me-
nyatakan tentang hukum Allah iaitu mengenai ibadat
sembahyang, syarat-syarat saksi, sumpah, hukum orang
berdusta, minum arak, murtad, berjudi dan lain-
lain.^{I21}

^{I20} Dzulkifli b. Mohd Salleh, Hikayat Merong Mahawangsa, (Kuala Lumpur: DBP., 1968), h. 56.

^{I21} Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, fa-
sal 36.2, 37.1, 38.3, 38.4, 35, 36 dan Kempe & Wins-
tedt, "A Malay Legal Digest of Pahang," fasal 60, 63
65, 52, 59 dan 93.

Persamaan yang lain kita dapati dari segi hukum orang mendapat perahu hanyut, hukum mengenai binatang ternakan yang merosakkan tanaman, hukum menjumpai barang yang hilang dan hukum mengenai hutang dan gadai.^{I22}

Teks UM adalah merupakan contoh undang-undang yang tertua dari "adat dan undang-undang" patriachal "Melayu yang lain. "Adat dan UM ini mempunyai tradisi lisan yang turun temurun sejak zaman raja Melaka yang pertama iaitu Raja Parameswara atau Iskandar Syah membawa pada Sultan Melaka yang terakhir iaitu Sultan Mahmud Syah. "Adat dan UM merupakan "a tract on customary law"^{I23} atau risalah tentang hukum-hukum kebiasaan dan segala ketentuan dari hukum-hukum kebiasaan ini ada tercantum di dalam naskhah "Risalah Hokoem Kanoen iaitu Oendang-oendang Melaka."

^{I22} Ibid., fasal 27 (UM) dan fasal 12 (UP).

^{I23} Winstedt, The Malays A Cultural History, (London: 1956), h. 99.

^CAdat dan UM ini terkenal kerana telah menjadi dasar dari pembukuan dan penemuan ^Cadat dan undang-undang negari Melayu lainnya, seperti Johor, Kedah, Perak dan Pahang. Ini dapat difahamkan daripada kenyataan Clifford bahawa:-^{I24}

".....Several of the Malay States owe their origin to members of the ruling house of Malacca - Jphore, Pahang, Trengganu and Perak. "

Walau bagaimanapun UM ini mengalami banyak perubahan disebabkan penurunan ^Cadat dan UM dari satu raja ke satu raja yang lain adalah melalui tradisi lisan. Dengan cara inilah UM menerima perubahan, penambahan dan penolakan. Perubahan besar yang terjadi pada UM ini ialah pada waktu diturunkan pada Sultan Muhammad Iskandar Syah di mana undang-undang yang sebelumnya bersifat Hindu telah disesuaikan de-

^{I24}Clifford, The Land & People of Malaysia, h. 27.

ngan Islam. Ini disebabkan Sultan Muhammad Iskandar Syah sebagai raja Melaka yang pertama memeluk Islam.^{I25} Satu perkara yang perlu diketahui bahawa U.99 dari Perak dan U.Mn. lebih terpengaruh dengan ^cAdat Perpatih daripada ^cAdat Temenggong atau UM.^{I26}

III- Pengaruh Hindu dan Islam:

Satu perkara yang tidak dapat tidak pasti ditemui apabila meneliti kandungan undang-undang Melayu Lama ialah pengaruh asing di dalam undang-undang tersebut. Pengaruh asing yang amat jelas di dalam undang-undang Melayu Lama ialah pengaruh Undang Hindu dan undang-undang Islam. Pengaruh-pengaruh itu dapat dikatakan telah mulai masuk sejak datangnya ugama-ugama itu ke daerah-daerah Kepulauan Melayu. Ugama Hindu mula datang pada kira-kira abad ke - 5 masehi,^{I27} dan ugama Islam pada abad ke - 13

^{I25}W.G.Shellabear, Sejarah Melayu, h. 72.

^{I26}Liaw Yock Fang, Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik, (Singapura: Pustaka Nasional, 1975), h. 235.

^{I27}Mohammad b. Rahmad, "Sedikit Tinjauan Tentang ^cAdat dan Undang-undang Melayu, dalam Dewan Bahasa, Jilid 5, November, (Kuala Lumpur: DBP, 1961), h. 501.

masehi.^{I28} Berlaku perkara seperti ini di dalam teks-teks ^cAdat Temenggong bukanlah suatu perkara yang asing lagi bagi kita. Ia mempunyai kaitan dengan kepercayaan atau pun agama yang dianuti oleh masyarakat Melayu tradisi. Agama Hindu yang telah begitu lama bertapak di alam Melayu bukan sahaja mempengaruhi cara kehidupan dan pemikiran mereka malah turut mempengaruhi bidang kesusasteraan itu sendiri. Begitu juga kedatangan agama Islam yang mana di samping menjadi satu agama baru, telah mencirikan pula satu zaman baru. Keadaan ini nyata tercermin terutamanya di dalam hasil penulisan undang-undang Melayu Lama.

a- Pengaruh Hindu:

Untuk mengkaji pengaruh Hindu, kita harus menyentuh tentang kedatangan dan perkembangannya ke-alam Melayu kerana kedatangan dan perkembangannya

^{I28}Winstedt, "A History of Malay Literature," dalam JRAS, Vol. XVII, (London:s.n., 1940), h. I

mempunyai kaitan yang sangat rapat. Tanpa melihat latar belakang sejarahnya, penilaian yang sewajarnya tidak dapat dilakukan. Di dalam hal ini perlu diambil berat akan beberapa pendapat yang diberikan oleh para Sarjana berkenaan kedatangan dan perkembangan agama Hindu ke alam Melayu ini.

Seorang orientalis Barat, iaitu R.O.Winstedt, berpendapat orang-orang Hindu telah sampai ke Tanah Melayu dalam kurun masehi yang pertama^{I29}, sebab terjumpanya patung-patung yang ada hubungan dengan agama Himayana yang bertarikh kurun masehi kelima. Perkembangan kebudayaan Hindu ke Nusantara pula dapat diteliti dari beberapa faktor:

Pertama: Dipercayai melalui perpindahan pahlawan-pahlawan India ke wilayah ini.

Kedua: Perkembangan itu berlaku melalui golongan pedagang yang telah berkahwin dengan wanita

^{I29}Lofti Ismail, Sejarah Malaysia I400 - 1963, (Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu (M) Berhad), h. 4.

tempatan. Seterusnya tidak kurang pula yang menganggap bahawa kaum Brahmanlah yang membawa kebudayaan tersebut ke wilayah ini.^{I30}

Unsur-unsur pengaruh Hindu - Buddha yang diterima oleh kebudayaan tempatan Nusantara bukan sahaja telah mendokong sistem sosial dan nilai yang ada, bahkan banyak memberikan implikasinya terhadap kehidupan masyarakat Nusantara hingga kini. Masa penerimaan peradaban India ini merupakan babak kedua dalam pertumbuhan kebudayaan Melayu. Kesan pengaruh Hindu yang meluas sejak abad pertama masehi hingga abad ke I4 dan I5 itu boleh dikatakan meliputi beberapa kehidupan yang penting. Pengaruhnya telah diterima dalam sistem sosial khususnya di dalam sistem politik dan kemasyarakatan tempatan, adat istiadat dan upacara kesusasteraan, kesenian, kepercayaan dan falsafah.^{I31}

^{I30} D.G.D.Hall, History of South-East Asia, (London: Macmillan, 1966), h. 19 - 20.

^{I31} Aziz Deraman, Masyarakat & Kebudayaan Malaysia, (Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia & Sukan, 1975), h. 47.

Menurut Winstedt, mulai daripada awal kurun masehi telah muncul buat pertama kalinya organisasi sosial yang bercorak negara dan negara kota atau sekurang-kurangnya komuniti-komuniti yang jelas menunjukkan penerimaan ciri-ciri peradaban India.^{I32}

Dalam bidang kesusasteraan Winstedt berpendapat bahawa ada kesan-kesan zaman peninggalan Hindu dalam kebudayaan Melayu yang tidak dapat dihapuskan.^{I33} Dengan kesan-kesan ini dan pengaruh Hindu dalam berbagai-bagai bidang lagi dapat menunjukkan bahawa orang-orang Hindu telah berhubung dengan alam Melayu sebegitu lama, sehingga pengaruhnya begitu sukar untuk dikikis dari masyarakat Melayu.

Konsep raja atau kerajaan yang wujud dalam masyarakat di negara sebelah sini adalah berasal dari India yang terjadi setelah orang-orang Melayu

^{I32}Winstedt, " An Old Minangkabau Legal Digest from Perak", h. 35.

^{I33}Annas Hj. Ahmad, Sastera Melayu Lama & Baru, (Penang: Saudara Sinaran Berhad, 1964), h, 79.

purba itu menerima pengaruh Hindu. Maka ketua-ketua telah bergelar faja dengan penasihat-penasihat yang bergelar Bendahara atau Perdana Menteri. Misalnya perkataan negeri atau negara adalah dari Hindu Sanskrit yang menggambarkan masyarakatnya hidup secara kawasan yang digelar negeri.^{I34}

Contoh yang lain ialah dalam sistem pemerintahan Melaka pengaruh Hindu sangat jelas di mana terdapatnya jawatan-jawatan dan gelaran pembesar seperti Bendahara, Temenggong, Penghulu Bendahari, Laksamana, Sri Dewa Raja dan Sri Bija Di Raja. Dalam kitab Ramayana, adik Rama itu Laksamana memainkan peranan penting sebagai pahlawan yang sukar diandingi kegagahannya.^{I35}

Selain daripada kedudukan Raja disamakan dengan dewa-dewa yang menunjukkan keperwiraan tradisi Brahmin, yang pusatnya tertumpu pada konsep deva-

^{I34} Aziz Deraman, Masyarakat & Kebudayaan Malaysia, h. 217

^{I35} Yusoff Iskandar & A. Rahman Kaeh, Sejarah Melayu, (Kuala Lumpur: Haineman Educational Books (Asia) Ltd., 1978), h. 69

raja dan dianggap berkuasa penuh dalam hal keagamaan dan adat istiadat.

Berkaitan dengan konsep raja ini juga, maka wujud empat lapisan di dalam masyarakat Melayu iaitu:

- a- Raja.
- b- Pembesar.
- c- Rakyat biasa.
- d- Hamba abdi.

Mengenai perkara ini juga nyata tergambar di dalam perlaksanaan hukuman ke atas tiap-tiap golongan tadi, di mana diskriminasinya begitu menonjol sekali. Diskriminasi dalam menjalankan hukuman ini adalah berdasarkan pada undang-undang Hindu yang disesuaikan dengan ciri-ciri masyarakat yang mengamalkan prinsip kasta. Contohnya ada empat kasta besar dalam masyarakat tua Hindu, ^{I36} iaitu:-

^{I36} lihat Sen Gupta, Evolution of Ancient Law, (Calcutta: s.n., 1953), h. 278.

- a- Brahmin (paling tinggi kedudukannya).
- b- Kasytria (golongan pahlawan dan ahli politik).
- c- Vyasa (Guru, peguam, saudagar dan sebagainya).
- d- Syudra (buruh-buruh kasar, peniaga-peniaga kecil dan lain-lain).

Sistem pengabdian telah mewujudkan satu status sosial yang paling rendah dalam tradisi masyarakat lama iaitu golongan hamba. Menurut undang-undang Hindu hukuman terbahagi pada 4 jenis:^{I37}

- a- Amaran.
- b- Cela.
- c- Denda.
- d- Disiksa (rotan, potong dan buruh).

Di dalam praktik undang-undang Melayu Lama (ketika kerajaan Melayu Melaka) terdapat perbezaan hukuman bagi kesalahan yang dilakukan berdasarkan status sosial seseorang, yakni di antara pembesar-

^{I37} Aziz Deraman, Masyarakat & Kebudayaan Malaysia, h. 50.

pembesar dan rakyat biasa keistimewaan yang diberikan kepada golongan raja dalam berbagai-bagai pula telah membezakan golongan ini dengan golongan rakyat sebagai golongan yang diperintah. Seterusnya struktur kemasyarakatan yang wujud sebagai hubungan raja, rakyat telah membahagikan golongan-golongan ini kepada peringkat-peringkat sosial terjadi misalnya golongan rakyat tidak dibenarkan berkahwin dengan golongan raja.

Di dalam menjatuhkan hukuman terhadap yang salah, ^cadat dan undang-undang lama menggunakan berbagai cara. Pendedaan dan hukuman mati merupakan perkara biasa. Banyaknya ketentuan hukuman denda ini juga merupakan pengaruh agama Hindu di mana adanya " blood-money ",^{I38} sebagai ganti hukuman bunuh. Contohnya ini dapat dilihat pada UM yang menentukan bahawa membunuh hamba hanya dikenakan denda sahaja.^{I39}

^{I38}Jolley, J, Hindu Law & Custom, (Calcutta s.n., 1928), h. 284 - 285.

^{I39}Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, fasal 7.I.

Hukuman yang berdasarkan penyeksaan seperti penyulaan yang terdapat dalam agama Hindu tidak terdapat dalam ^Cadat dan undang-undang Melayu. Tetapi hukuman penyeksaan yang terdapat dalam agama Hindu seperti memasukkan sesuatu benda yang panas ke dalam badan terdapat pada undang-undang Melayu. Sebagai contoh, dapat dilihat pada ^Cadat dan undang-undang Melaka,^{I40} tentang cara bersumpah di mana seseorang dikehendaki memasukkan tangan ke dalam minyak panas.

Bersumpah sebagai satu cara membuktikan kebenaran di dalam agama Hindu merupakan satu lagi pengaruh yang diterangkan di dalam undang-undang Melayu Lama seperti yang dinyatakan di atas. Mereka yang bertuduh-tuduhan dan tidak menyediakan saksi dikehendaki melakukan upacara tersebut iaitu dengan mencelup tangan ke dalam minyak atau timah yang panas atau pun berlawan menyelam di dalam air, sesiapa

^{I40} Ibid., fasal I4.I.

yang tidak melecur tangannya atau pun yang paling lama dapat menyelam dianggap tidak bersalah dan akan terlepas dari hukuman. Contohnya di dalam Ramayana, bagi membuktikan kesucian kepada suaminya Rama, Sita telah terjun ke dalam api. Ternyata Sita tidak hangus kerana Agni (dewa api) telah menolongnya. Dalam masyarakat Hindu tua pula ada empat cara untuk mengesahkan sesuatu bukti iaitu dokumen (lekhya), pemilikan (bukhti), saksi dan sumpah (divya).^{I41}

Persumpahan bagi masyarakat Hindu dapat di-
bahagikan kepada 5 iaitu:-^{I42}

- a- Berlawan timbang (tula').
- b- Masuk ke dalam api (agni).
- c- Berlawan menyelam di dalam air (apah).
- d- Memakan racun (visa).
- e- Meminum air daripada patung (kosa).

^{I41} Abu Hassan Mohd. Sham, "Unsur Undang-undang Hindu di dalam teks Undang-undang ^cAdat Temenggong khasnya UM, dalam Dewan Bahasa, Julai, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1973), h. 318.

^{I42} Sān Gupta, Evolution of Ancient Indian Law, h. 62.

Contoh yang lain yang nyata terdapat unsur Hindu seperti ketentuan hukum bunuh pada 10 kesalahan iaitu, membunuh, menikam, menetak orang, memukul mencuri, merompak, menuduh, mendusta hakim, mengkhianat dan melawan titah raja yang terdapat dalam undang-undang Melaka.^{I43} Walau bagaimanapun didapati dalam ugama Hindu ketentuan hukum mencuri dan mengkhianat titah raja ada keringan sedikit.^{I44}

Di antara undang-undang Melayu Lama yang , agak banyak memasukkan undang-undang Hindu ialah UM. Perkara ini memanglah tidak dapat dielakkan, kerana pengaruh Hindu telah lama bertapak dan berakar-umbi di dalam masyarakat Melayu. Justeru itu tentulah ia tidak dapat dikikis sekali gus amalan-amalan khurafat yang bertentangan dengan tradisi keIslaman masih lagi terdapat. Umpamanya dalam Sejarah Melayu sendiri dinyatakan tentang peristiwa membunuh diri,

^{I43}Ronkle, Risalat Hoekoem Kanoen iaitu Oendang-oendang Melaka, (Leiden: s.n., 1919), h.5.

^{I44}Sen Gupta, Evolution of Ancient Law, h. 278.

menggugurkan anak dalam kandungan, minum arak dan sebagainya.^{I45} Ini dapat dilihat dari peristiwa Bendahara Sri Wak Raja, Tun Fatimah dan Seri Rama. Di antara unsur-unsur Hindu yang agak ketara terdapat di dalam kebanyakan undang-undang Melayu ialah:^{I46}

- a- Konsep raja.
- b- IO kesalahan besar.
- c- Diskriminasi.
- d- Wang tebusan.
- e- Bersumpah membuktikan kebenaran.
- f- Kahwin paksa.
- g- Undang-undang pagar-memagar.
- h- Wang bunga.

Konsep raja merupakan konsep ugama Hindu, di mana raja dianggap sebagai golongan istimewa. Di dalam UM dan UP terdapat banyak fasal yang mene-

^{I45}W.G.Shellabear, Sejarah Melayu, h. 87, 261 - 262 dan IOI.

^{I46}Abu Hassan Mohd. Sham, "Unsur Undang-undang Hindu di dalam teks undang-undang ^cAdat Temenggong khasnya UM," h. 312.

rangkan keistimewaan golongan ini. Di dalam UM disebutkan bahawa perintah raja mesti dituruti umpamanya:-

".....Menurut perintah raja itu
Mau ia zalim mau tiada. " I47

Larangan di raja seperti titah, murka, anugerah, kurnia, santap, beradu, bersiram, semayam dan lain-lain adalah berasal dari perkataan Sanskrit. Tentang larangan pakaian berwarna kuning, gelang emas, kelebihan raja seperti yang telah diterangkan sebelum ini juga dari undang-undang Hindu.

Memandang bahawa golongan raja merupakan golongan istimewa, tentulah sifat diskriminasi sudah menjadi kebiasaan di dalam perlaksanaan undang-undang Melayu Lama. Oleh kerana keistimewaan ini, maka golongan atasan dipertahankan dari sebarang hukuman yang berat walaupun mereka lakukan kesalahan yang

I47 Ronkel, Risalat Hokoem Kanoen iaitu Oendang-oendang Melaka, h.4.

besar. Sebaliknya jika rakyat jelata melakukan kesalahan walaupun yang kecil tetap akan menerima hukuman. Keadaan ini dapat dikaitkan dengan sistem kasta agama Hindu, di mana di antara golongan Brahman dan Syudra terdapat jurang perbezaan kelas yang amat besar.

Terdapat banyak sekali contoh diskriminasi yang disebutkan di dalam UM. Misalnya pada fasal 24.I, iaitu tentang hukuman mencuri hamba yang ditunjukan khas kepada nakhoda. Dalam UP pula golongan yang paling kuat didiskriminasikan dan ditindas ialah golongan abdi. Dalam fasal 8 dinyatakan:-

"..... bila abdi menggocoh harr (hurr) maka dipasak tangan kecuali hurr itu menggunakan bini abdi itu. " I48

I48 Kempe & Winstedt, " A Malay Legal Digest of Pahang," fasal 8, h. I4.

Ternyata hukuman ini amat keterlaluan bagi kesalahan yang demikian. Selain daripada hamba, orang kebanyakan juga menerima hasib yang sama. Taraf mereka akan jatuh kepada taraf abdi jika mereka melakukan kesalahan kepada raja.

Sistem wang tebusan yang merupakan salah satu unsur pengaruh undang-undang Hindu juga diterapkan di dalam undang-undang Melayu Lama yang banyak berbau Hindu. Umpamanya sistem ini diterapkan di dalam UM pada fasal 5, 6 dan 7 ^{I49}. Begitu juga dalam UP pada fasal 8.

Konsep wang tebusan begitu dipertahankan oleh U.99, walaupun undang ini ternyata banyak menerima pengaruh Islam. Ini jelas dinyatakan dalam fasal 52. Seterusnya U.99 juga telah menggantikan hukum qisās dengan wang tebusan di mana menurut undang undang ini, jika hukum itu ke atas dari pusat tebu-

^{I49}Ronkel, Risalat Hokoem Kanoen iaitu Oendang-oendang Melaka, fasal 5,6 & 7, h. 2 - 3.

sannya \$25.00 (sapaha emas) dan jika luka itu berdarah sedikit sahaja hanya sagu hati iaitu sehelai kain putih.^{I50} Jika dibandingkan UP, UM dan U.99 ternyata UP memberi pilihan kepada penjenayah sama ada mahu menjalani hukuman bunuh atau membayar denda.

Menurut Winstedt, kahwin secara paksa yang merupakan tradisi Hindu masih lagi dikekalkan oleh UM. UM memberikan kebenaran kepada seorang lelaki untuk berkahwin dengan isteri atau anak gadis yang dilarikan setelah membayar denda yang dikenakan.^{I51}

UM juga masih mengamalkan wang bunga terutama mengenai perbuatan gadai menggadai.^{I52} Bagi masyarakat Hindu juga bunga dikenakan kepada hutang dan gadaian. Bunga ke atas pinjaman kadang-kadang

^{I50} J.G.Rigby, "Winety-nine Laws of Perak," fasal 57.

^{I51} Ronkel, Risalat Hokoem Kanoen iaitu Oen-dang-oendang Melaka, fasal I2, h. 5.

^{I52} Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, fasal I9, h. 30 - 31.

dikenakan sehingga 100%.^{I53} Jikalau kita bandingkan undang-undang Melayu Lama yang lain dengan UM, maka kita akan dapati bahawa UM mempunyai lebih banyak pengaruh undang-undang Hindu. Keadaan ini memanglah selaras dengan usia undang-undang itu sendiri yang merupakan hasil penulisan undang-undang yang tertua sekali. Sementara undang-undang yang lain pula lebih merupakan hasil undang-undang yang telah menerima pengaruhnya.

b- Pengaruh Islam:

Pengaruh Hindu pada ^cadat dan undang-undang Melayu mulai berkurang dengan kedatangan Islam. Seperti mana yang diketahui Islam datang ke daerah Melayu melalui proses " acculturation " (proses kebudayaan) maka unsur Hindu itu telah disesuaikan dengan Islam.^{I54}

^{I53}A.J.A.Dubois, H.K.Beancap, Hindu Manners Custom & Ceremonies, (London: s.n., 1953), h. 656.

^{I54}Prof. Syed Naguib, Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu, (Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972), h. 20.

Prof. Syed Muhammad Naguib al-Attas menyatakan bahawa:-

".....Kedatangan Islam di Kepulauan Melayu Indonesia harus kita lihat sebagai mencirikan zaman baru dalam persejarahannya, sebagai semboyan tegas membawa rasionalisma dan pengetahuan akliah serta menegaskan suatu sistem masyarakat yang berdasarkan kebebasan orang perseorangan keadilan dan kemuliaan pribadi insan. Islam membawa semangat rasionalisma dan intelektualisma bukan sahaja di kalangan istana dan kraton, malah sampai juga dengan lebih merebak di kalangan rakyat. " I55

Seterusnya kedatangan Islam telah mengubah kepercayaan yang diletakkan oleh pengaruh peradaban India itu dan telah menukar filsafat serta kepercayaannya dengan mementingkan kemaknusiaan, pemikiran

I55 Ibid., h. 20.

rasional dan tauladan tidak lagi konsep ibadat semata-mata. Konsep ketuhanan berdasarkan keadilan dan kebenaran telah diperkenalkan.^{I56} Sejarah Melayu juga menyebutkan perkembangan Islam di Melaka iaitu selepas rajanya memeluk Islam maka Bendahara dan segala orang besar-besar pun semuanya masuk Islam dengan sekalian besar kecil, tua-muda dan perempuan lelaki semuanya disuruh baginda masuk Islam. Maka baginda pun bangun kepada makhdum akan tertib sembahyang.^{I57}

Pengaruh Islam ternyata begitu kuat sekali pada ^cadat dan undang-undang Melayu. Ini disebabkan agama Islam telah menjadi agama rasmi bangsa Melayu sampai sekarang ini. Walaupun Islam telah menjadi darah daging bangsa Melayu, namun ^cadat dan undang-undang Melayu tidak pula memperlihatkan persamaannya dengan hukum Islam pada setengah-setengah tempat.

^{I56} Aziz Deraman, Masyarakat & Kebudayaan Malaysia, h. 21.

^{I57} W.G.Shellabear, Sejarah Melayu, h. 73.

Ketidaksamaan ini dapat diterangkan dengan sifat bangsa Melayu yang kuat berpegang kepada ^Cadat, seperti ternyata pada pepatah orang Melayu:-

" Biar mati anak,
Jangan mati ^Cadat. " I58

Ini bererti bahawa sesudah bangsa Melayu memeluk agama Islam mereka masih terus menggunakan ^Cadat dan hukum Hindu dan kebiasaan tempatan lainnya. Hanya dalam beberapa perkara ^Cadat dan hukum Hindu serta kebiasaan tempatan lainnya itu telah disesuaikan dengan Islam.

Ketidaksamaannya dengan hukum Islam mengakibatkan kelemahan ^Cadat dan undang-undang ini kerana dengan ini membolehkan raja-raja atau yang menjalankan ^Cadat dan undang-undang ini pada satu ketika berqias pada unsur-unsur Hindu dan pada ketika

^{I58}Datok Ab. Samad Idris, " Seminar Pensejarahan ^CAdat Perpatih," dalam Kertas kerja, Kermurnian Dalam ^CAdat Perpatih, (Negeri Sembilan: Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, 10 - 12 April, 1974), h. 3.

yang lain berqias pada hukum Islam. Satu hal yang nyata mengenai adanya sikap murah atau tolak ansur. Contohnya ^Cadat terhadap hukum Islam ialah seperti sekumpulan perompak yang pergi merompak dan hanya seorang sahaja yang memasuki rumah, maka hanya ia sahaja yang dipotong tangannya manakala yang lain didenda dengan dibawa keliling daerah di mana barang yang dicuri itu digantung pada leher masing-masing. Ini membayangkan bahawa pengaruh Islam tidak berlaku sepenuhnya dalam undang-undang Melayu.¹⁵⁹

Di dalam UM nampaknya pengaruh Islam mengambil tempat pada fasal-fasal yang terkemudian sedangkan pada fasal-fasal permulaannya dipengaruhi oleh hukum Hindu. Ini adalah selaras dengan keadaan kerana dari semasa kesamasa pengaruh Islam menjadi semakin kukuh. Bahagian yang diterapkan dengan hukum-hukum Islam ialah pada bahagian jenayah dan keluarga (perkahwiran dan perceraian) yang sebahagi-

¹⁵⁹ Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, fasal II.I.

an besarnya diasaskan serta disesuaikan kepada ^Cadat setempat. Maka dalam mengolah ketiga-tiga unsur ini digunakan istilah-istilah seperti "^Cadatnya", "hukumnya", "qiyas", "hukum Allah", "^Cadat hukum" dan "^Cadat kanun".

Jelasnya pada kita bahawa UM tidak banyak memperlihatkan undang-undang Islam secara langsung, kerana banyaknya kenyataan yang penyusun memberikan pilihan sama ada untuk mengikut hukum ^Cadat atau hukum Islam. Misalnya bagi kesalahan membunuh sama ada mahu hukuman Islam, iaitu dibalas bunuh atau sebaliknya mengikut hukum ^Cadat atau kanun ia didenda sekati lima tahlil.^{I60}

Seterusnya kebanyakan undang-undang Melayu menggunakan kata-kata ^CArab. UP menggunakan perkataan ^CArab pada keseluruhan kanun atau teks tersebut misalnya:-

^{I60} Liaw Yock Fang, Undang-undang Melaka, fasal 5.4.

" fana, anbia, aulia, khiar, makhara (mabuk), ta^czir, hurr, qisās, zia-dah, ikrār, thabit, aiyl (orang yang bertanggung jawab ke atasnya mudharat dan lain-lain lagi. "

UM pula banyak memasukan perkataan-perkataan seperti:-

" qiās, khaiyu, syafa'at, takdir, wati', syāra', faduli (kelebihan), taksir dan ta'zir. "

U.99 pula memasukan perkataan-perkataan seperti " qudrat " dan " sedekah ".

Perkara penting yang ditonjolkan oleh penyusun undang-undang ini untuk menunjukkan ciri-ciri keIslaman ialah kalimat di dalam bahasa ^cArab. Satu contoh kalimat dalam bahasa ^cArab yang dipetik dari UP ialah:-^{I6I}

^{I6I}Kempe & Winstedt, "A Malay Legal Digest of Pahang," fasal 40.

"وقد قرنت الرسالة المؤلفة بتاريخ سنة الف
 وارب من هجرة النبي المصطفى على ظهور الشريعة"

Maksudnya:

" Sesungguhnya telah berhubung
 surat yang telah dikarang pa-
 da tarikh 604 hijrah Nabi yang
 terpilih bersama munculnya hu-
 kum syar^ciah. "

Begitu juga syair Islam telah dimasukkan
 oleh penyusun di bahagian pendahuluan:-^{I62}

"ليضل الذي يلهو ويلعب بعيد قون وأعلم
 يدري أن المولى خلقه يطلبه "

Maksudnya:

" Disesatkan orang yang suka ber-
 lebihan berseronok. Dan keta-
 huilah oleh mu bahawasanya di-
 sebalik kematian ada pembalasan. "

^{I62}Ibid., h.30.

Selain daripada itu ayat-ayat al-Qur'an dan hadith juga dimasukkan.^{I63} UK pula memasukan kalimat ^cArab seperti:-^{I64}

"سؤال السائلين أحبل"

Maksudnya:

" Bahawa ada pertalian di antara orang-orang yang menyoal dengan orang yang menjawab. "

Kesimpulannya didapati bahawa undang-undang Melayu Lama merupakan campuran undang-undang ^cadat tempatan, undang-undang Islam dan undang-undang Hindu.

^{I63}Ibid., h. 27 dan 29.

^{I64}Winstedt, " Kedah Laws ", h.I.